

Kerajaan kutip cukai, penalti RM1.711 bilion tempoh 6 bulan

BH

Kuala Lumpur: Kerajaan berjaya mengutip RM1.711 bilion cukai pendapatan dan penalti daripada pihak yang sebelum ini berdegil untuk menjelaskan tunggakan cukai masing-masing, setakat 31 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz, berkata jumlah itu berjaya diperoleh menerusi program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai bermula 1 Mac lalu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak bercadang melanjutkan program itu apabila ia berakhir pada 15 Disember depan.

“Sehingga 31 Ogos lalu, jumlah hasil kutipan bagi cukai pendapatan adalah sebanyak RM1.407 bilion membabitkan 20,092 kes.

“Jumlah kutipan bagi penalti pula sebanyak RM304 juta membabitkan 32,207 kes bagi tempoh sama,” katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Shabudin Yahaya (BN-Tasek Gelugor) yang bertanya kemungkinan kerajaan melanjutkan program itu, serta hasil kutipan dan jumlah pembayar cukai yang tampil sejak ia dilaksanakan.

Tawaran pengurangan penalti

Program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai adalah inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2016.

Menjawab soalan tambahan Shabudin mengenai insentif kerajaan kepada pihak yang tampil menjelaskan tunggakan cukai melalui program itu, Othman berkata beberapa pengurangan diberikan kepada mereka.

“Antaranya ialah pengurangan dalam kenaikan cukai dan penalti, termasuk hal berkaitan duti setem dan cukai keuntungan hartanah,” katanya.



Sehingga 31 Ogos lalu, jumlah hasil kutipan bagi

cukai pendapatan adalah sebanyak RM1.407 bilion membabitkan 20,092 kes.

Jumlah kutipan bagi penalti pula sebanyak RM304 juta membabitkan 32,207 kes bagi tempoh sama”

Othman Aziz,

Timbalan Menteri Kewangan 1